



19 DEC, 2022

Bekalan sayur pulih, harga dijangka turun bulan depan

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2



BEKALAN sayur yang terjejas berikutan musim tengkujuh turut mengakibatkan harganya melambung tinggi. — GAMBAR HIASAN

Bekalan sayur pulih, harga dijangka turun bulan depan

IPOH — Bekalan sayur-sayuran dijangka pulih hujung Januari depan apabila musim tengkujuh berakhir dan petani dapat mengeluarkan semula hasil mereka.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Abdul Rashid Bahri berkata, sehubungan itu, orang ramai tidak perlu panik kerana kenaikan harga dialami ketika ini hanyalah untuk sementara.

"Jangan panik, keadaan ini (harga tinggi dan bekalan rendah) hanyalah disebabkan oleh faktor cuaca tidak baik yang berlaku sejak Oktober lalu serta me-

muncak pada bulan ini.

"Pengeluaran sayur yang rendah bukan hanya berlaku di lokasi seperti Cameron Highlands semata-mata bahkan turut terjadi di Pantai Timur apabila tiba musim tengkujuh," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenaikan harga sayur-sayuran yang direkodkan ketika ini akibat musim tengkujuh di seluruh negara.

Pada masa sama, Abdul Rashid turut menasihati orang ramai agar cuba menukar menu masakan berasaskan sayur-sayuran berdaun seperti bayam

dan sawi kepada jenis berbau, antaranya terung, labu dan tomat.

"Selain itu, orang ramai juga boleh mengamalkan ulam-ulaman kampung seperti kacang botol bagi menggantikan sayur-sayuran berdaun," katanya.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Pekebun Sayur Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd. Rahman Syed Abd. Rashid berkata, pihaknya berharap harga komoditi tersebut stabil pada setiap masa.

"Jika ini dapat dicapai bererti kita telah kawal pengeluaran dan penggunaan sayur-sayuran dengan berkesan," katanya.



19 DEC, 2022

Bekalan sayur pulih, harga dijangka turun bulan depan

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

BEKALAN sayur yang terjejas berikutan musim tengkujuh turut mengakibatkan harganya melambung tinggi. - CAM BAR HIASAN

IPOH - Bekalan sayur-sayuran dijangka pulih hujung Januari depan apabila musim tengkujuh berakhir dan petani dapat mengeluarkan semula hasil mereka. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Abdul Rashid Bahri berkata, sehubungan itu, orang ramai tidak perlu panik kerana kenaikan harga dialami ketika ini hanyalah untuk sementara.